

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

SOALAN NO. 550

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menarik minat pelajar-pelajar menyertai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan pasukan sukarelawan untuk membendung pelajar-pelajar dari terlibat dalam masalah gejala sosial. Adakah sebarang pengiktirafan diberikan kepada pelajar-pelajar yang melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarelawan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum, dasar sedia ada yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-peraturan Pendidikan, telah menekankan pembentukan elemen jati diri, nilai-nilai murni, disiplin, kerohanian, dan kepimpinan dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak sekolah mahupun aktiviti luar bersama masyarakat dan komuniti. Pelaksanaan dan penekanan aktiviti kokurikulum dalam sistem pendidikan juga merupakan salah satu kaedah atau benteng untuk mengelakkan murid dari terjebak dengan gejala sosial dan keruhtuhan akhlak serta moral.

Antara aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah ialah aktiviti pasukan badan beruniform, aktiviti sukan dan permainan, aktiviti kelab dan persatuan serta program khidmat masyarakat bersama komuniti dan

masyarakat setempat. Antara aktiviti yang dijalankan dalam program khidmat masyarakat bersama komuniti dan masyarakat setempat ialah gotong-royong, program kecergasan, lawatan ke rumah-rumah orang tua, rumah anak yatim dan sukarelawan sukan. Selain itu, penubuhan pasukan kadet di sekolah-sekolah yang cenderung kepada elemen kesukarelawanan seperti Kadet Sekolah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia, Persekutuan Pengakap Malaysia, Pergerakan Puteri Islam Malaysia dan Kadet Remaja Sekolah Malaysia (KRS) juga membuka ruang kepada murid untuk bergiat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum atau aktiviti sukarelawan ini akan direkodkan serta diberi penilaian melalui Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) berdasarkan kepada jawatan yang disandang, kehadiran dan pencapaian murid. Pentaksiran ini bertujuan untuk menyediakan satu kaedah penilaian yang standard dan boleh diterima pakai oleh semua pihak. Keputusan PAJSK ini dipersembahkan dalam bentuk Prestasi Tahun Semasa (*Grade Point Average*) dan Himpunan Prestasi sepanjang tempoh persekolahan (*Cummulative Grade Point Average*) dan digunakan juga bagi kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Sekian, terima kasih.